

PM minta belia faham objektif penyiasaran semula subsidi

Kerajaan tak mahu perkenal instrumen percukaian baharu bebaskan rakyat

Oleh Qistina Sallehuddin dan Meor Riduwan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Melaka: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan tidak mahu memperkenalkan instrumen percukaian baharu, sebaliknya melakukan penyiasaran subsidi lebih adil dan menepati keperluan rakyat.

Perdana Menteri berkata, penyiasaran subsidi diesel yang diumumkan bakal dilaksanakan kerajaan sebelum ini mengecualikan golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, pekebun kecil dan pemandu teksi daripada cukai itu.

"Saya tidak mahu memperkenalkan instrumen percukaian baharu yang membebaskan rakyat... tentang penyiasaran subsidi diesel, diesel yang bocor ini membabitkan berbilion ringgit (dinikmati) orang kaya, perindustrian besar yang kerajaan masih berikan subsidi.

"Jadi penyiasaran subsidi itu (tumpuannya) dikenakan kepada orang-orang kaya, industri besar dan warga asing. Nelayan dan pekebun kecil, pemandu Grab dan teksi, semua dikecualikan... mungkin hampir sejuta rakyat

dikecualikan daripada dikenakan cukai diesel," katanya.

Anwar berkata demikian ketika berucap pada Konvensyen MADANI yang turut dihadiri Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Perdana Menteri menerusi Perutusan Negara yang disiarkan secara langsung di semua saluran media tempatan Selasa lalu memaklumkan kerajaan akan melaksanakan subsidi diesel bersasar di Semenanjung yang membabitkan pengguna komersial B40 dan M40.

Beliau menegaskan subsidi bersasar tidak akan dinikmati golongan T20 serta 3.8 juta warga asing, sekali gus memberi penjaminan secara kasar kira-kira RM4 bilion setahun kepada kerajaan seterusnya boleh digunakan bagi menambah peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Terdahulu ketika berucap merasmikan sambutan Hari Belia Negara (HBN) 2024 peringkat Kebangsaan di Dataran Pahlawan di Banda Hilir, di sini, Perdana Menteri menegaskan golongan belia di negara ini perlu memahami objektif di sebalik tindakan kerajaan melaksanakan penyiasaran semula subsidi bahan api dan elektrik.

Malah, Perdana Menteri berkata, golongan belia di Malaysia juga perlu memperkasakan diri dan menuntut pelaksanaan subsidi di negara ini disasarkan secara khusus kepada golongan kurang berkemampuan.

"Mengapa kita menaikkan harga (diesel)... ini kerana pada ma-



Anwar dan Ab Rauf (kiri) bersama peserta pada Konvensyen MADANI di Melaka, semalam.

(Foto BERNAMA)

sa ini ada berbilion (ringgit nilai) subsidi yang menguntungkan pemilik perniagaan kaya dan 3.8 juta warga asing.

"Oleh itu, jika ada pihak yang ingin menentang rasionalisasi subsidi diesel, saya akan bertanya mengapa kita perlu memberi subsidi kepada 3.8 juta warga asing yang tidak membayar cukai, (dan) mengapa kita perlu memberikan bantuan kepada golongan yang berada dalam keadaan maha kaya?"

"Ini keputusan yang kita (kerajaan) buat dan saya harap belia faham kenapa kita buat ini," katanya sambil mengulangi 85 peratus rakyat Malaysia tidak terjejas dengan keputusan kerajaan menaikkan tarif elektrik.

Terap slogan MADANI

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menggesa semua kementerian dan jabatan menjadikan slogan MADANI satu konsep yang dinamik selari perkembangan teknologi, digitalisasi serta kecerdasan buatan (AI) dalam membangunkan negara.

Anwar juga menyentuh mengenai Persidangan Ekonomi Islam yang berlangsung 28 dan 29 Mei ini di Kuala Lumpur yang akan mengambil kira teras maqasid syariah, iaitu skop lebih luas dan menyeluruh.

"Persidangan ekonomi itu akan melihat ekonomi Islam dari aspek maqasid yang lebih luas, bermakna bagaimana penyertaan rakyat, memperbaiki kesen-

jang sosial, menggunakan peluang dan meneroka teknologi digital AI.

"Persidangan itu akan membawa satu pemikiran baharu yang saya anggap MADANI kerana ia membicarakan soal masyarakat, mencakupi semua bidang," katanya.

Sementara itu, Ab Rauf berkata, 10 resolusi diperhalusi untuk dicerakin dan direalisasikan dalam konvensyen berlangsung dua hari bermula kelmarin itu.

Ia termasuk mengakui Malaysia MADANI adalah gagasan yang berupaya menyelesaikan permasalahan ummah, memenuhi kehendak semasa dan masa hadapan serta potensi rakyat negeri dan negara.